

**SHAYKH ‘ABD AL-MĀLIK BIN ‘ABDULLĀH DAN PENGARUHNYA
TERHADAP KEHIDUPAN MASYARAKAT TERENGGANU PADA
AKHIR ABAD KE-17 HINGGA AWAL ABAD KE-18
(Shaykh ‘Abd Al-Mālik Bin ‘Abdullāh and His Influence on the Community
Life in Terengganu at the End of 18th Century until Early 18th Century)**

Oleh:

Abdul Karim Bin Ali*
Zurita Binti Mohd Yusoff**
Hasanulddin Bin Mohd***

Abstrak

Para ulama silam telah memainkan peranan tersendiri di dalam mengembangkan ajaran Islam di Tanah Melayu. Usaha dan sumbangan mereka telah banyak mengubah cara hidup masyarakat ketika itu. Keadaan yang sama telah berlaku di Negeri Terengganu dengan kelahiran seorang tokoh ulama silam iaitu Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh atau lebih masyhur dengan gelaran Tok Pulau Manis. Artikel ini ditulis bertujuan untuk mengkaji riwayat hidup Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh dan perubahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat di Terengganu pada akhir abad ke-17 sehingga awal abad ke-18 hasil daripada penyebaran ilmu Islam oleh beliau. Kajian yang berbentuk historiografi ini menggunakan kaedah kepustakaan dan juga kaedah temubual bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan objektif di atas. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini, pengkaji mendapati Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh merupakan seorang tokoh ulama silam yang sangat berkebolehan dalam pelbagai bidang ilmu seperti usuluddin dan fiqh serta mempunyai keperibadian yang sangat mulia. Pengaruhnya dapat dilihat dalam masyarakat Terengganu pada waktu itu dari pelbagai aspek iaitu terasasnya sistem pendidikan pondok, bermulanya hubungan dan kerjasama di antara pemerintah dan ulama, pelaksanaan undang-undang Islam dan lahirnya tradisi kesusasteraan kitab agama dalam masyarakat Terengganu ketika itu.

Kata kunci: *Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh, Tok Pulau Manis, pengaruh, Masyarakat Terengganu, abad ke-17 dan ke-18.*

Abstract

The ancient Islamic scholars played an important role in spreading of Islam in the Malay Peninsula. Their efforts and contributions have significantly altered the life of society at that time. The same situation has occurred in Terengganu with the birth of an ancient Islamic scholar named Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh or also known as Tok Pulau Manis. This paper will review the biography of Shaykh

* Abdul Karim Bin Ali, PhD, merupakan Professor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: abdkarim@um.edu.my

** Zurita Binti Mohd Yusoff, merupakan pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

*** Hasanulddin Bin Mohd, merupakan pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh and the changes that occur in the life of the society at the beginning of the 18th century as a result of the spreading of Islam by himself. This historiography study will apply the literature method and an interview to obtain the data related to the objectives stated above. As the result of this study, the researcher found that Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh is an ancient Islamic scholar which expert in various fields of Islamic knowledge such as usuluddin and fiqh. He also had a very noble character. His influence can be seen in the life of society in early 18th century from various aspects such as the beginning of pondok education system, the beginning of the relationship and cooperation between the government and ulama, the practice of Islamic law and the beginning of Islamic literatures in Terengganu society at that time.

Keywords: *Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh, Tok Pulau Manis, influence, Terengganu society, 17th and 18th century.*

Pendahuluan

Masyarakat Terengganu sejak berzaman lagi sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan ajaran Islam. Penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 1303 Masihi telah menjadi bukti kedatangan Islam di Terengganu ketika itu dan sekaligus menjadikannya sebagai negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Seterusnya, Islam kian tersebar di kalangan masyarakat Terengganu dengan adanya peranan para ulama dan pendakwah. Pada abad ke-17 khususnya, Islam didapati giat disebarkan di Terengganu dengan lahirnya seorang ulama bernama Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh. Hasil daripada usaha dakwah yang dijalankan oleh beliau, telah berlaku beberapa perubahan besar dalam masyarakat Terengganu pada waktu itu. Dalam kajian ini, penyelidik telah menemubual tiga orang waris keturunan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh untuk mendapatkan fakta-fakta tentang sejarah kehidupan ulama ini. Kajian yang berbentuk historiografi ini turut mrnggunakan metod pengumpulan data melalui fakta-fakta yang terdapat di dalam buku-buku khususnya buku-buku sejarah, artikel dalam jurnal, kertas-kertas kerja seminar, dokumen-dokumen, keratan akhbar dan juga beberapa laman web. Selain riwayat hidup, pengkaji juga akan mengenalpasti aspek-aspek perubahan yang telah terhasil daripada dakwah yang telah disampaikan oleh beliau.

Kelahiran Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh adalah berketurunan pendakwah dari Baghdad yang merupakan di antara pendakwah terawal datang ke Terengganu. Menurut catatan kelahiran dan kewafatan yang terdapat pada makam beliau di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah dilahirkan pada tahun 1089 H/1678 M dan meninggal pada tahun 1149

H/1736 M.¹ Tarikh-tarikh yang tercatat ini menunjukkan bahawa Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah meninggal pada usia 58 tahun.

Namun, berdasarkan cerita-cerita lama yang disampaikan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain, usia beliau ketika meninggal ialah melebihi 80 tahun.² Beberapa fakta lain juga menunjukkan tarikh kelahiran yang tercatat di makam beliau tidak munasabah dan boleh dipertikaikan. Ini kerana di dalam sebuah karangan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh, dicatatkan bahawa beliau pernah berguru dengan seorang ulama Mekah yang terkenal iaitu Shaykh Ibrāhīm atau dikenali sebagai Mawlā Ibrāhīm al-Kurānī atau al-Kurdī dan juga al-Madīnī yang hidup di antara tahun 1025 H/1661 M - 1101 H/1690 M.³ Sekiranya diandaikan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh lahir pada tahun 1678 M, maka usia beliau ketika gurunya meninggal baru sahaja menjangkau 12 tahun. Tidak munasabah seorang kanak-kanak berhijrah ke Mekah untuk menuntut ilmu dan belajar dengan seorang guru yang sangat terkenal sebelum berusia 12 tahun. Berdasarkan kepada sebuah risalah yang disalin oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh ketika berada di Mekah berjudul *Khabar Mi'raj*, pada akhir tulisannya tercatat tarikh beliau tamat menulis iaitu pada tahun 1092 H/ 1681 M.⁴ Sekiranya dikatakan beliau lahir pada tahun 1678 M sebagaimana tercatat pada makam beliau, maka usianya ketika selesai menyalin kitab ini baru sahaja 3 tahun. Tidak munasabah seorang kanak-kanak berusia 3 tahun dapat menyalin sebuah kitab fiqh yang menjadi rujukan ramai.

Cerita-cerita lisan dari keturunannya juga menguatkan lagi fakta bahawa Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh lahir lebih awal dari tarikh yang tercatat di makam beliau. Hasil temuramah yang dijalankan oleh Shafie Abu Bakar dengan waris-waris keturunan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh, mereka menceritakan bahawa Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh pulang dari menuntut ilmu di Mekah ketika berusia kira-kira 40 tahun dan gurunya Maulā Ibrāhīm juga meninggal ketika Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh menjangkau usia 40 tahun.⁵ Tarikh yang tercatat pada makam beliau iaitu 1089 H/1678 M – 1149 H/1736 M menunjukkan dalam tempoh tersebut beliau masih hidup.⁶ Dengan ini, dapat

¹ Lawatan penyelidik ke Makam Tok Pulau Manis, Kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, Terengganu pada 15 Januari 2011.

² Tuan Guru Sheikh Tok Ku Ibrahim Mohamad, Mudir Pondok Pulau Manis (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu Temubual pada 15 Januari 2011.

³ Shafie Abu Bakar (1977), "Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah: 1 Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya", (Tesis Ijazah Sarjana Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 86.

⁴ Shafie Abu Bakar (1984b), "Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", dalam Mohd Salleh bin Awang & Mohd Yusoff bin Abdullah (ed.), *PESAKA II*, (Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu II), Lembaga Muzium Negeri Terengganu: Terengganu, h. 71.

⁵ *Ibid.*

⁶ Mohd Saleh bin Awang (1983), "Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu sebelum Perang Dunia Kedua", dalam Mohd Salleh bin Awang & Mohd Yusoff bin Abdullah (ed.) *PESAKA*, (Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu) , Lembaga Muzium Negeri Terengganu: Terengganu, h. 87.

disimpulkan bahawa Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh telah lahir pada pertengahan abad ke-17 M, kira-kira pada tahun 1650 M.

Tarikh meninggal Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh yang tercatat pada makam beliau pula adalah munasabah dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak iaitu pada tahun 1149 H/1736 M. Berdasarkan tarikh lahir beliau iaitu pada tahun 1678 M dan tarikh meninggal iaitu pada tahun 1736 M, maka usia Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ketika meninggal ialah 86 tahun. Fakta ini bersesuaian dengan satu maklumat yang menyebut bahawa peringkat akhir hayatnya beliau merupakan seorang yang lanjut usia.⁷ Cerita-cerita lisan dari keturunan beliau juga menyebut bahawa Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh meninggal ketika usianya agak tua.⁸

Pengajian Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh

Latar belakang keluarga Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh yang sememangnya cintakan ilmu telah mendorong beliau untuk mengembara mencari ilmu sehingga ke peringkat tinggi. Pengajian Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh boleh dikategorikan kepada dua peringkat iaitu pengajian di Jawa dan Aceh, dan juga pengajian di Mekah dan Madinah. Pengajian beliau di Jawa dan Aceh boleh disifatkan sebagai pencarian ilmu agama di peringkat asas, manakala di Mekah dan Madinah, beliau menuntut ilmu yang lebih tinggi peringkatnya.

1. Pengajian Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh di Jawa dan Aceh

Guru pertama Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh adalah bapanya sendiri iaitu Shaykh ‘Abdullāh bin Shaykh ‘Abd al-Qahhār. Sebelum berhijrah ke negeri-negeri lain, beliau juga menuntut ilmu dengan ulama-ulama tempatan.⁹ Sebelum menuntut ilmu di Mekah, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh pernah belajar di Jawa dan di Aceh, iaitu ketika berusia 20-30 tahun. Beliau telah mengikuti bapa saudaranya yang bernama Ismail untuk berdagang dan berdakwah di Jawa. Penghijrahan beliau ini sekaligus telah menambahkan pengetahuan agamanya.¹⁰

Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh kemudiannya disuruh oleh bapanya untuk menuntut ilmu agama di Aceh dan suruhan bapanya ini disambut baik oleh beliau yang sememangnya amat berminat di dalam menuntut ilmu. Aceh ketika itu merupakan pusat ilmu di Nusantara dan menjadi tempat pengajian pertama sebelum seseorang itu melanjutkan pelajaran di Mekah. Sesuai dengan

⁷ Sheppard, M.C. (1949), *A History of Terengganu*, vol. XXII, Part III, Jun, h. 11.

⁸ Shafie Abu Bakar (1984b), *op.cit.*, h. 71.

⁹ Ibrahim Mohamad (2009), *Manaqib Tok Pulau Manis Shaykh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, Ikatan Pengkajian Tauhid Tasawuf: Terengganu, h. 15.

¹⁰ Shafie Abu Bakar (1989), “Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)”, *Warisan*, (Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu), bil. 5, Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, h. 14.

kemasyhuran dan kehebatan Aceh ketika itu, Aceh dikenali juga dengan nama Serambi Mekah.¹¹

Pada usia 20-an, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah berhijrah ke Aceh bersama-sama dengan beberapa orang sahabatnya. Setibanya di Aceh, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh dan sahabat-sahabatnya terus menuju ke Madrasah Shaykh Abd Rauf Singkel iaitu seorang ulama Aceh yang sangat terkenal.¹² Di Aceh, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh dikenali sebagai seorang murid yang hebat dan terkemuka kepada Shaykh Abd Rauf Singkel.¹³ Bukti pengembaraan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh ke Aceh ialah terdapat sebuah kitab yang disalin tangan oleh beliau berjudul *Tafsiran Baidawi* dan dikarang dalam Bahasa Melayu oleh Shaykh Abd Rauf Singkel.¹⁴

Shaykh Abd Rauf Singkel pula merupakan murid kepada dua orang ulama terkenal di Mekah iaitu Shaykh Ibrāhīm al-Kurānī dan Shaykh Aḥmad al-Qushayshī. Shaykh Abd Rauf Singkel ketika itu merupakan ulama istana yang alim dalam bidang hadis, fiqh, usuluddin, nahu, saraf, tafsir, tasawuf dan juga pemimpin Ṭariqah Shattariyyah. Setelah Shaykh Abd Rauf Singkel mendapati muridnya yang bernama Abd al-Mālik bin Abdullah menguasai ilmu hadith, tafsir, nahu, saraf, fiqh dan tasawuf, beliau telah bersetuju untuk memba'ahkannya dengan Ṭariqah Shattariyyah.¹⁵

2. Pengajian Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh di Mekah dan Madinah

Setelah hampir 10 tahun menuntut ilmu di Aceh, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah diperintahkan oleh gurunya agar meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi di Mekah dan Madinah. Kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan kepatuhan kepada gurunya telah menjadikan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh nekad untuk berhijrah ke Mekah bagi meneruskan pengajiannya.¹⁶

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah berhijrah ke Mekah sekitar tahun 1680-an iaitu ketika usianya dalam lingkungan 30-an. Sehingga kini, belum dapat dipastikan siapakah penduduk Tanah Melayu yang pertama berhijrah untuk menuntut ilmu di Mekah, tetapi kajian yang dilakukan oleh sarjana lepas menunjukkan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh merupakan di antara penduduk terawal Tanah Melayu yang menuntut di Mekah. Beliau akhirnya pulang ke tanahair memberikan sumbangan yang amat signifikan sebagaimana juga ulama-ulama lain seperti Muḥammad Arsyad al-Banjari, Nawawi al-Banṭani

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*, h. 15.

¹³ Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah Dengan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 210.

¹⁴ Shafie Abu Bakar (1989b), *op.cit.*, h. 14.

¹⁵ *Ibid.*, h. 16.

¹⁶ Ibrahim Mohamad (2009), *op.cit.*, h. 18.

dan Shaykh Dawud al-Fatani.¹⁷ Pada waktu tersebut, Mekah merupakan pusat pengajian agama peringkat tertinggi.

Selain menjadi tempat ibadat ummat Islam, Mekah juga menjadi tempat berkumpulnya para ulama yang terkemuka, pusat kegiatan mengarang dan menterjemahkan kitab-kitab ke dalam Bahasa Melayu (Jawi). Sistem pengajian di Mekah dan Madinah berpusatkan Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi. Sistem pengajiannya menekankan kepada ilmu tiga serangkai iaitu fiqh, usuluddin, tasawuf, pengajian tafsir, hadith dan ilmu-ilmu bantu seperti nahu, saraf dan sebagainya.¹⁸

Dalam bidang tasawuf, Shaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullah cenderung kepada pendekatan etika ubudiyah al-Imam al-Ghazali. Dalam bidang fiqh pula, beliau merupakan pengikut Mazhab Shafi’i yang mana antara guru fiqhnya ialah Shaykh Ibrāhīm al-Kurānī yang menggantikan Shaykh Aḥmad al-Qushayshī, iaitu seorang ulama Madinah yang masyhur dan telah menyusun amalan zikir selepas sembahyang yang diamalkan di Nusantara dan kebanyakan umat Islam di seluruh dunia.¹⁹

Di antara ilmu usuluddin, fiqh dan tasawuf, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh amat meminati pengajian ilmu tasawuf. Sesuai dengan zaman tersebut yang kebanyakan ulama mengamalkan, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh juga menghayati pengajian tariqat, iaitu Ṭariqah Shadhiliyyah yang berkembang di Mesir dan diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Shadhili (M. 656 H/1258 M).²⁰ Beliau mengenali tariqat ini melalui kitab-kitab karangan pendukung utamanya iaitu Ibn ‘Ata’ Allah (M. 709 H/1309 M) seperti *al-Hikam*, *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*, *Laṭāif al-Mīnān* dan *Tāj al-‘Arus*. Pengajaran Imam al-Shadhili dan Ibn ‘Ata’ Allah telah dianggap sebagai lanjutan kepada pendekatan tasawuf Imam al-Ghazali.²¹

Bidang pengajian kedua yang diberi perhatian oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ialah ilmu fiqh. Guru utamanya ialah Shaykh ‘Abd Al-Mālik bin ‘Abdullāh. Berdasarkan kitab-kitab karangannya, terdapat banyak kitab fiqh yang menjadi rujukan beliau iaitu *Daw’ al-Sham’ah* karangan Shaykh Jalāl al-Din al-Suyūfī, *Munyah Ahl al-Wara’* karangan Shaykh Ahmad al-Qushaishī, *Minhaj al-Ṭālibīn* karangan Imām Nawawī, *Tatimmah* oleh Ibn Matuli, *al-Hawī* oleh al-Mawardī, *al-Nihāyah* oleh Imam al-Ramli, *Faṭḥ al-Wahhāb* oleh Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣarī, *Faṭḥ al-Qarīb* oleh Muḥammad Ibn Qasim al-Ghazzi, *al-Minhaj al-Qawīm* oleh Aḥmad ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj* dan *al-Muḥalla* karangan Muḥammad ‘Alī ibn Aḥmad ibn Sa’īd ibn Hazm, *Faṭḥ al-Mu’in Syarḥ Qurrah al-‘Ain* oleh ‘Abd al-‘Azīz al-Malibarī, *Bahjah al-Mahafil*

¹⁷ Mohammad Redzuan Othman (1998), “The Role of Makka-Educated Malays In The Development of Early Islamic Scholarship And Education In Malaya”, *Journal of Islamic Studies*, 9:2, h. 146-157.

¹⁸ Shafie Abu Bakar (1989), *op.cit.*, h. 16.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Ibrahim Mohamad (2009), *op.cit.*, h. 19.

²¹ Shafie Abu Bakar (1989), *op.cit.*, h. 16&17.

karangan Imam Yahya Abu Bakr al-'Amiri, *Kitab al-Farwiyah* karangan Shaykh Ibrahim al-Kurani.²² Di dalam bidang usuluddin, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah memilih pendekatan Imam al-Asha'ri yang menjadi ikutan umum pengikut ahli al-Sunnah wal Jamaah di dunia Islam. Pendekatan ini jugalah yang telah diikuti oleh pemimpin-pemimpin Tariqah Shadhiliyyah seperti Abu al-Hasan al-Shadhili, Abu al-'Abbas al-Mursi dan Ibn 'Ata'.²³

Berdasarkan kitab-kitab hasil karangan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh, beliau bukan hanya menguasai tiga bidang ilmu yang diterangkan di atas, tetapi turut mendalami ilmu-ilmu lain seperti tafsir, hadith, mustalah dan ilmu-ilmu bantu seperti nahu, saraf, balaghah dan sirah nabawiyah. Keluasan ilmu pengetahuannya dalam pelbagai bidang telah melayakkannya menjadi seorang ulama.²⁴

Dalam usia kira-kira 40 tahun, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah meninggalkan Mekah dan kembali ke kampung halamannya. Kepulangan beliau ke tanahair dikaitkan dengan perasaan sedihnya yang begitu mendalam di atas kematian guru yang amat dikasihinya iaitu Shaykh Ibrāhīm al-Kuranī pada tahun 1101 H/ 1690 M. Ini kerana beliau pulang ke tanahair selepas beberapa hari Shaykh Ibrāhīm al-Kuranī meninggal dunia.²⁵

Pengaruh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh Terhadap Kehidupan Masyarakat Negeri Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 dan Awal Abad ke-18.

Sebagai seorang ulama yang telah menguasai pelbagai bidang ilmu, pengaruh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh dapat dilihat dalam beberapa aspek kehidupan masyarakat Terengganu di antara abad ke-17 dan ke-18. Kepulangan beliau ke tanahair setelah 20 tahun merantau mencari ilmu di Aceh, Mekah dan Madinah telah dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk masyarakat ketika itu.

1. Pengaruh Shaykh 'Abd Al-Mālik bin 'Abdullāh Terhadap Sistem Pendidikan Islam di Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 dan Awal Abad ke-18

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah menjadi pelopor kepada pengajian pondok secara tradisi dan tertua di Terengganu. Beliau telah membina rumahnya berhampiran dengan Masjid Kampung Pulau Manis. Perpindahan Sultan Zainal Abidin I dan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh ke Kampung Pulau Manis ini telah menjadikan Kampung Pulau Manis sebagai Pusat Pentadbiran dan Pusat Kerohanian Islam. Sebagai seorang ulama yang mempunyai kedudukan yang

²² Shafie Abu Bakar (1985), "Risālah Naql Shaykh Abdul Malik bin Abdullah Dengan Anotasi", dalam Mohd Salleh bin Awang & Mohd Yusoff bin Abdullah (ed.), *PESAKA III*, (Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu), h. 5-6.

²³ *Ibid.*, h. 19.

²⁴ *ibid.*

²⁵ Ibrahim Mohamad (2009), *op.cit.*, h. 21.

tinggi di istana, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh telah mengemukakan pendapat kepada Sultan dan para pembesar agar berpindah dari Kampung Pulau Manis Batu hampar ke Kampung Pulau Manis Serada. Pada waktu itu, kedua-dua kampung ini terpisah dengan sebatang sungai yang luas dan dalam. Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh berpendapat sedemikian kerana melihat kepada pemerintahan Kesultanan Terengganu yang semakin pesat dan perlunya sebuah tempat yang strategik di tengah-tengah di antara Kuala Terengganu dan Kuala Berang. Sultan akhirnya menerima pandangan Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh dan mereka pun berpindah ke Kampung Pulau Manis Serada.²⁶

Di Kampung Pulau Manis Serada inilah Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh telah memulakan pengajian, ramai pelajar yang datang dari segenap pelusuk negeri untuk berguru dengan beliau.²⁷ Malah, pelajar-pelajar beliau bukan sahaja datang dari Terengganu, tetapi dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Para pelajar yang datang telah membina rumah-rumah kecil atau dikenali sebagai pondok di sekeliling masjid sebagai tempat penginapan mereka sepanjang Pengajian.²⁸

Selain menjadi pusat pendidikan Islam yang terawal, kawasan pengajian Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ini juga telah dipenuhi dengan kitab-kitab yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan. Beliau telah menggunakan kitab-kitab yang dibawa pulang dari Mekah, Aceh dan kitab-kitab yang dikarang sendiri.²⁹ Pengajian yang diasaskan oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ini menggunakan model pengajian di Masjidil Haram yang berpusatkan masjid. Ramai juga pelajar-pelajar dari luar perkampungan beliau yang datang menuntut ilmu dan mendirikan tempat-tempat kediaman sepanjang mengikuti pengajian. Kurikulumnya pula merangkumi ilmu fiqh, usuluddin, tasawuf, tafsir hadis, nahu saraf dan sastera keagamaan. Penguasaan terhadap ilmu nahu dan saraf sangat dititik beratkan kerana pelajar-pelajar perlu memahami kitab-kitab berbahasa Arab.³⁰

Hasil daripada pengasasan sistem pengajian pondok oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh di Terengganu, telah lahir ramai ulama-ulama yang hebat dan tradisi pengajian pondok di Terengganu yang diasaskan oleh beliau diteruskan pula oleh keturunan dan murid-murid beliau. Sistem pendidikan pondok yang beliau mulakan telah mewujudkan budaya menuntut ilmu di kalangan masyarakat Terengganu ketika itu. Keturunan beliau yang paling terkenal mengendalikan institusi pengajian beliau ialah Haji ‘Abd al-Malik bin Isa iaitu cicit kepada Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh. Pusat pengajian yang dikendalikan oleh

²⁶ *Ibid.*, h. 27.

²⁷ *Ibid.*, h. 28.

²⁸ <http://Islaminius.Blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html>, Tok Pulau Manis (1650-1736), Mac 2011.

²⁹ Shafie Abu Bakar (1984c), “Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam”, dalam Mohammad Abu Bakar (ed), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 59.

³⁰ Shafie Abu Bakar (1984b), *op.cit.*, h 73-74.

Haji 'Abd al-Mālik bin 'Isā ini sering dikunjungi oleh ramai pelajar yang akhirnya menjadi ulama terkenal. Di antaranya ialah Ali bin Qadi Muḥammad Patani dan Lebai Ja'far bin Zakariyya al-Faṭani. Anak kepada Haji Abd al-Mālik bin 'Isā iaitu Haji Muḥammad bin Haji Abd al-Mālik, juga meneruskan tradisi pengajian yang telah dimulakan oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh.³¹

Pengaruh ajaran Islam yang disebarkan oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh di Terengganu masih boleh dilihat walaupun selepas kematiannya pada tahun 1723 M. Seorang ahli pelayaran Islam iaitu 'Abdullah Munshi yang telah singgah di Pantai Timur Tanah Melayu sekitar 4 Mac sehingga April 1838 M mendapati satu pertiga di kalangan masyarakat Terengganu ketika itu dapat membaca al-Quran dengan baik. Mereka juga terkenal di kalangan masyarakat luar Terengganu sebagai masyarakat yang pandai membaca al-Quran. Beliau juga telah mencatatkan satu perlima daripada masyarakat Terengganu sudah tahu membaca tulisan Melayu (Jawi).³² Pada tahun 1894 M pula, Hugh Clifford telah melakukan ekspedisi di Terengganu dan mendapati masyarakat di negeri ini lebih kuat berpegang kepada agama berbanding masyarakat di negeri-negeri lain.³³

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh bukan sahaja telah menyampaikan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat luar yang datang menuntut ilmu dengan beliau, tetapi juga telah mengasaskan sebuah sistem pendidikan Islam di Terengganu. Hasil daripada usaha beliau yang tidak pernah mengenal erti penat telah membawa negeri Terengganu menjadi sebuah negeri yang lebih ke hadapan dari aspek keagamaan berbanding dengan negeri-negeri lain. Budaya menuntut ilmu juga telah berjaya diterapkan di dalam jiwa masyarakat Terengganu sewaktu itu.

2. Pengaruh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh Terhadap Sistem Pentadbiran Negeri dan Pelaksanaan Undang-undang Islam di Terengganu Pada Awal Abad ke-18

Corak pemerintahan Kesultanan Terengganu yang pertama iaitu di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin I tidak dinyatakan dengan jelas dalam kajian-kajian yang lepas. Namun, cerita-cerita lama menunjukkan sultan mempunyai kuasa penuh di dalam pentadbiran negeri. Hal ehwal di jajahan-jajahan adalah diserahkan kepada 'Raja Anak Sungai', iaitu mereka yang telah dipilih sebagai wakil sultan. Sultan juga melantik beberapa orang besar atau pegawai-pegawai seperti Menteri, Hakim, Mufti, Panglima dan Pegawai-pegawai Penjaga Aman, yang digelar Budak Raja. Tugas Budak Raja ialah menangkap mereka yang melakukan kesalahan dan membawa mereka kepada sultan.³⁴

³¹ Shafie Abu Bakar (1984c), *op.cit.*, h. 61.

³² Shafie Abu Bakar (1984a), "Latar Belakang Keagamaan di Terengganu", dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, h.1

³³ *Ibid*, h. 15.

³⁴ Muhammad Saleh Awang (1983), *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H=1918M*, h. 115-117.

sultan pula biasanya akan merujuk kepada Shaykh ‘Abd al-Mālik yang dilantik sebagai Mufti³⁵ bersama-sama beberapa pembesar lain yang mengetahui tentang undang-undang Islam untuk menentukan hukuman kepada pesalah-pesalah. Sebuah risalah lama yang ditulis oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh telah menjelaskan bahawa pembesar-pembesar yang diberi gelaran Datuk ketika itu adalah dari kalangan mereka yang berpengetahuan agama.³⁶ Dalam kajian yang lain, ada dinyatakan Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh menganggotai Jemaah Pangkuan Negeri yang mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam membuat sesuatu keputusan. Pelantikan Wan Iman Mahmud iaitu murid kepada Shaykh ‘Abd al-Mālik sebagai Kadi Besar ketika itu pula telah membuktikan betapa besarnya pengaruh Shaykh ‘Abd al-Mālik dalam pentadbiran negeri Terengganu.³⁷ Terdapat juga satu jawatankuasa khusus dalam hal ehwal mengeluarkan fatwa-fatwa iaitu Imām Fatāwā. Fungsinya sama seperti jawatan mufti yang terdapat di setiap negeri di Malaysia sekarang.³⁸

Di antara fatwa-fatwa yang berbentuk hukuman pernah dilaksanakan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I ialah potong tangan bagi kesalahan mencuri, penjara bagi kesalahan bergaduh atau membuat kekacauan, qisas bagi kesalahan membunuh dan denda bagi kesalahan mal.³⁹ Fatwa-fatwa ini dipercayai diputuskan oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh selaku mufti bersama-sama dengan pembesar-pembesar yang berpengetahuan agama. Kuasa yang ada pada golongan ulama yang diketuai oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ini telah menjadikan beliau sebagai perintis kepada pelaksanaan undang-undang Islam di dalam Kesultanan Terengganu.

Pelaksanaan beberapa hukum Islam dalam kehidupan masyarakat Terengganu ketika itu telah membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai panduan hidup tersendiri, adil dan selamat. Hukuman-hukuman yang ditetapkan bagi setiap kesalahan telah menjadikan masyarakat Terengganu ketika itu sangat berhati-hati dalam setiap tindak tanduk mereka agar tidak sampai melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

3. Pengaruh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh Terhadap Kesusasteraan Agama Masyarakat Islam Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 Hingga Awal Abad ke-18.

Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh bukan sahaja berperanan sebagai mufti atau penasihat agama, tetapi juga telah mengarang beberapa buah kitab sebagai bahan pengajaran kepada murid-murid beliau dan juga sebagai panduan kepada masyarakat pada zaman beliau. Beliau merupakan perintis kepada kesusasteraan kitab agama di Terengganu dan boleh dinobatkan sebagai perintis kepada “Zaman

³⁵ Shafie Abu Bakar (1989), *op.cit.*, h. 22.

³⁶ Shafie Abu Bakar (1984), *op.cit.*, h.12.

³⁷ Muhammad Saleh Awang (1983), *op.cit.*, h. 117.

³⁸ *Ibid.*, h. 13.

³⁹ Shafie Abu Bakar (1984c), *op.cit.*, h.115.

Pelopor Kesusasteraan Terengganu”,⁴⁰ Ini kerana hasil daripada kajian penyelidikan, tidak dapat dikesan ulama lain sebelum Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh yang berjaya menghasilkan kitab-kitab agama di Terengganu.

Beliau juga didapati merupakan satu-satunya ulama tempatan yang menterjemahkan Kitab al-Hikam Ibn 'Ata' Allah Al-Sakandari. Terdapat empat buah penulisan dalam bidang fiqh yang jelas dikarang oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh iaitu *Hikam Melayu*, *Kitab Kifāyah*, *Risālah Naql* dan *Risālah Kayfiyyah Al-Niyyah*.

i) *Kitab Hikam Melayu*

Dengan ilmu tasawuf yang mendalam, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh telah berjaya menghasilkan kitab yang bertajuk '*Hikam Melayu*' ketika beliau masih berada di Mekah. Kitab ini merupakan karangan terbesar Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh.⁴¹ Ia merupakan syarah terhadap Matan Hikam karangan Imām Tāj al-Din 'Ata' Allah Al-Sakandari yang menurut aliran Shadhili.⁴² Di dalam *Kitab Hikam Melayu* telah tercatat:

“(Dan) sanya telah meminta akan daku setengah saudaraku yang sālik bahawa menterjemahkan aku akan dia dengan bahasa Jawi supaya memberi manfaat dengan dia segala orang yang muftadi, maka kuperkenankan atas yang demikian itu dengan sekira-kira yang difahamkan Allah Taala akan daku (dan) adalah aku memanjangkan sedikit perkataannya kerana aku memasukkan perkataan sharahnya dengan sekadar kifayah bagi orang yang muftadi mengetahui dia dan sanya kupohonkan kepada Allah Subhanahu wa Taala akan sempurnanya dan akan beroleh manfaat segala orang yang talib akan dia dalam dunia dan dalam akhirat dengan berkat Sayyid al-Mursalīn wa ālihī wa ṣahbihī ajma'in”.⁴³

Petikan di atas menunjukkan Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan sahabat-sahabatnya. Disebabkan kitab ini telah disyarah dan digunakan sebagai bahan pengajaran di Mekah yang maju dengan percetakan dan penerbitan, maka kitab ini sangat popular disalin, dicetak dan tersebar luas di seluruh rantau alam Melayu.⁴⁴ Kitab yang diceritakan ini masih digunakan di tempat-tempat pengajian sama ada di kampung dan di bandar.

⁴⁰ Muhammad Yusoff Hashim (1991), *Terengganu Darul Iman Tradisi Persejarahan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Shafie Abu Bakar (1984b), *op.cit.*, h. 76-77.

⁴³ Shafie Abu Bakar (1989), *op.cit.*, h. 21

⁴⁴ *Ibid.*

ii- *Kitab Kifāyah*

Kitab yang kedua terbesar hasil karangan Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh ialah *Kitab Kifāyah* yang membicarakan tentang usuluddin dan fiqh. Ia membicarakan tentang persoalan-persoalan akidah dan hukum-hukum fiqh seperti thaharah, solat, puasa, zakat, binatang yang halal dan haram dimakan dan pengurusan jenazah.⁴⁵ Kitab ini dikarang bertujuan untuk dijadikan bahan pengajaran oleh beliau untuk masyarakat setempat. Namun, kitab ini tidak pernah dicetak dan tidak ditemui oleh pengkaji kecuali dua buah naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dan sebuah naskhah lagi di Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Menurut Dato’ Haji Ambak, beliau hanya mengetahui tentang *Kitab Kifāyah* berdasarkan apa yang diterangkan di dalam buku dan artikel, tetapi tidak pernah melihat sendiri kitab tersebut.⁴⁶ Malah menurut keturunan Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh yang lain seperti Ustaz Ibrahim bin Mohamad,⁴⁷ Encik Mohamad bin Embong dan Tuan Haji Ismail bin Embong, mereka tidak pernah mengetahui tentang kewujudan Kitab Kifayah ini.⁴⁸ Dengan ini, usaha untuk memelihara dan mencetak semula kitab ini sangat perlu dilakukan agar khazanah yang berharga ini dapat diambil manfaat dan terpelihara daripada lenyap begitu sahaja.

iii- *Risālah Naql*

Risālah Naql merupakan sebuah manuskrip yang hanya mengandungi 23 halaman. Terdapat juga sebuah naskhah yang hanya mempunyai 14 halaman. Ini kerana dalam naskhah yang mengandungi 23 halaman terdapat beberapa pengulangan salinan dan terdapat juga komentar-komentar tambahan yang mungkin dibuat oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh.⁴⁹ Kitab ini dikarang oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh kira-kira selepas tiga tahun beliau kembali ke tanahair.⁵⁰

Isi kandungan kitab yang agak nipis ini dipetik dari kitab berjudul *Daw’ al-Sham’ah* (Cahaya Lilin) yang dikarang oleh Shaykh Jalal al-Din al-Suyyuti (849-911/ 1445-1505). Ia disertai dengan dalil-dalil dari al-Quran, hadis,

⁴⁵Manuskrip Kifayah, MS 587, Perpustakaan Negara Malaysia.

⁴⁶ Dato’ Haji Ambak bin Ismail, AJK Majlis Fatwa Terengganu (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah), Temubual pada 1 Februari 2011.

⁴⁷ Beliau dikenali sebagai Tok Ku oleh pelajar-pelajarnya dan juga sebahagian penduduk kampung.

⁴⁸ Tuan Guru Sheikh Tok Ku Ibrahim Mohamad, Mudir Pondok Pulau Manis (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 15 Januari 2011. Encik Mohamad bin Embong, Penduduk Kampung Pulau Manis (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 15 Januari 2011. Tuan Haji Ismail bin Embong, Pesara Guru (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 1 Februari 2011.

⁴⁹ Shafie Abu Bakar (1984b), *op.cit.*, h.78.

⁵⁰ Ibrahim Mohamad (2009), *op.cit.*, h. 23

ijmak, qiyas dan sebagainya. Tujuan utama risalah atau kitab ringkas ini ditulis oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh ialah bagi memberikan panduan tentang masalah bilangan jemaah yang tidak cukup 40 orang untuk dilaksanakan solat Jumaat terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil dengan bilangan penduduk yang sangat sedikit.⁵¹

iv- *Risālah Kayfiyyah al-Al-Niyyah*

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh menulis *Risālah Kayfiyyah Al-Niyyah* berdasarkan karangan gurunya berjudul *A'māl al-Fikri wa Riwayāt* (Amalan-amalan Berdasarkan Fikiran-fikiran dan Riwayat-riwayat) dan juga karangan Shaykh Aḥmad Ibn 'Ata' Allah berjudul *Miftāḥ al-'Ulā* (Kunci tertinggi). *Kitab Miftāḥ al-'Ulā* pula disaring dari karangan al-Imam al-Ghazali berjudul *Iḥyā' 'Ulum al-dīn*. Risalah ini mengandungi perbincangan tentang niat yang menjadi asas dalam setiap amal ibadat.⁵²

Dengan terhasilnya beberapa karya dalam bidang agama oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh, maka lahirlah satu khazanah kesusasteraan yang amat berharga sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat ketika itu yang sememangnya memerlukan kitab-kitab Melayu (Jawi). Ini kerana kebanyakan kitab yang ada ditulis di dalam Bahasa Arab. Pengaruh Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh dapat dilihat apabila ramai di kalangan penuntut ilmu menggunakan kitab-kitab beliau sebagai rujukan. Beberapa orang ulama seperti Syed Muḥammad bin Zain al-Abidin (Tok Ku Tuan Besar), Shaykh Wan Abdullah bin Muḥammad Amin (Tok Shaykh Duyong), Sayyid 'Abd Raḥman al-Idrus (Tokku Paloh) dan Shaykh 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Raḥim al-Fatani (Tok Shaykh Bukit Bayas) akhirnya telah menyambung tradisi penulisan kitab-kitab agama yang telah dimulai oleh Shaykh 'Abd al-Mālik bin Abdullāh.

Penutup

Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh sememangnya merupakan seorang ulama yang amat menyintai ilmu daripada awal usianya sehinggalah ke akhir hayatnya. Walaupun terpaksa berpisah daripada keluarganya untuk tempoh yang lama kerana merantau menuntut ilmu di Aceh, Mekah dan Madinah. Kepulangan beliau ke Terengganu pada tahun 1690 M telah membawa banyak perubahan kepada masyarakat sama ada dari aspek pendidikan, pentadbiran negeri, pelaksanaan undang-undang Islam dan juga bermulanya zaman kesusasteraan kitab-kitab agama.

⁵¹Shafie Abu Bakar (1984b), *op.cit.*, h.78-79

⁵²*Ibid.*, h. 79.

Rujukan

Buku Dan Jurnal

Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah Dengan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Penerbit Mizan.

Ibrahim Mohamad (2009), *Manaqib Tok Pulau Manis Shaykh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, Terengganu: Ikatan Pengkajian Tauhid Tasawuf.

Sheppard, M.C. (1949), "A Short History of Terengganu", *Papers Relating to Terengganu* (1983), t.tpt: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Vol XXII, Part III, Jun.

Mohammad Redzuan Othman (1998), "The Role of Makka-Educated Malays In The Development of Early Islamic Scholarship And Education In Malaya", *Journal of Islamic Studies*, 9 ; 2.

Mohd Saleh bin Awang (1983), "Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu sebelum Perang Dunia Kedua", Mohd Salleh bin Awang & Mohd Yusoff bin Abdullah (ed.), *PESAKA*, (Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu), Lembaga Muzium Negeri Terengganu: Terengganu.

_____ (1983), *Sejarah Darul Iman Hingga 1337 H=1918 M*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Shafie Abu Bakar (1977), *Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah: 1 Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya*, (Tesis Ijazah Sarjana Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia).

_____ (1984a), "Latar Belakang Keagamaan di Terengganu", dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara.

_____ (1984b), "Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangankarangannya", Mohd Salleh bin Awang & Mohd Yusoff bin Abdullah (ed.), *PESAKA II, (Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu II)*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu: Terengganu.

_____ (1984c), "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam", dalam Mohammad Abu Bakar (ed.), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

_____ (1989), "Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", *Warisan*, (Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu), bil. 5, Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Manuskrip

Manuskrip *Kifāyah*, MS 587, Perpustakaan Negara Malaysia.

Manuskrip *Kifāyah*, MS 1897, Perpustakaan Negara Malaysia.

Manuskrip *Kifāyah*, MI 519, Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Temubual

Dato' Haji Ambak bin Ismail, AJK Majlis Fatwa Terengganu dan juga generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah, Temubual pada 1 Februari 2011.

Tuan Guru Sheikh Tok Ku Ibrahim Mohamad, Mudir Pondok Pulau Manis (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abdul bin Abdullah) , Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 15 Januari 2011.

Encik Mohamad bin Embong, Penduduk Kampung Pulau Manis (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 15 Januari 2011.

Tuan Haji Ismail bin Embong, Pesara Guru (Generasi ke-8 keturunan Shaykh Abd Al-Malik bin Abdullah), Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Temubual pada 1 Februari 2011.

Laman Web

[Http://Islaminius.Blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html](http://Islaminius.Blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html)